



# **DOKUMEN SEBUT HARGA**

**BAGI**

**SEBUT HARGA LJT NO. 17/2023**

**MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR,  
MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH  
LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH  
GEOMATIC AND LAND SURVEYING DISCOVERY CENTRE (GLSDC)  
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)**

# KANDUNGAN

<b>Pengenalan Sebut Harga</b> .....	<b>4</b>
<b>Kenyataan Sebut Harga</b> .....	<b>5</b>
<b>BAHAGIAN I: ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL</b> .....	<b>6</b>
1. ARAHAN AM.....	6
2. TAFSIRAN.....	6
3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL.....	7
4. KOS SEBUT HARGA.....	7
5. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU.....	7
6. JAMINAN ATAS SEBUT HARGA.....	8
7. TEMPOH PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PERALATAN.....	8
8. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN.....	8
9. SETUJU TERIMA.....	9
10. BON PERLAKSANAAN.....	9
11. PENGHANTARAN.....	10
12. PERALATAN SAMPINGAN.....	10
13. PENERIMAAN SEMENTARA.....	11
14. PENERIMAAN AKHIR.....	11
15. JADUAL BAYARAN.....	11
16. PENYERAHAN BIL/ TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/ KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA LJT ..	13
17. PENENTUAN TEKNIKAL.....	13
18. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN.....	13
19. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA.....	14
20. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN.....	14
21. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA.....	15
22. KESALAHAN RASUAH.....	15
23. ARBITRASI.....	16
24. KESALAHAN MAKLUMAT.....	16
<b>BAHAGIAN II: KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL</b> .....	<b>17</b>
1. PENGENALAN.....	17
2. SKOP PERKHIDMATAN.....	17

3.	LOKASI PEMASANGAN .....	18
4.	TEMPOH DAN JADUAL PELAKSANAAN .....	18
5.	ANALISIS KEPERLUAN PENGGUNA .....	18
6.	SPESIFIKASI LAMAN WEB.....	18
7.	SPESIFIKASI PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH ( <i>MOBILE APPS</i> ).....	20
8.	PERKAKASAN.....	21
9.	PENGUJIAN.....	21
10.	MANUAL DAN DOKUMENTASI .....	22
11.	SOKONGAN DAN PENYELENGGARAAN .....	22
12.	KERJA-KERJA PEMASANGAN (INSTALLATION).....	23
13.	LATIHAN .....	23
14.	LAIN-LAIN .....	24
<b>BAHAGIAN III: CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA .....</b>		<b>25</b>
1.	FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA.....	25
2.	PENYERAHAN SEBUT HARGA.....	26
3.	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA .....	26
4.	PERTANYAAN .....	26
<b>BAHAGIAN IV : BORANG SEBUT HARGA.....</b>		<b>27</b>
BORANG I - AKUAN SEBUT HARGA.....		30
BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA .....		31
BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT .....		32
BORANG IV - SURAT AKUAN PEMBIDA .....		35
BORANG V – RINGKASAN BEKALAN .....		36
BORANG VI - JADUAL PELAKSANAAN DAN PENYELENGGARAAN .....		37
BORANG VII – SOAI SELIDIK PENENTUAN TEKNIKAL .....		38
<b>BAHAGIAN IV : DRAF PERJANJIAN .....</b>		<b>42</b>

## PENGENALAN SEBUT HARGA

### MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT

#### PERINGATAN:

1. Pembekal-pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan Dokumen Sebut Harga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada Seksyen Teknologi Maklumat, LJT.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Pembekal-pembekal adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan berbuat demikian mungkin akan mengakibatkan sebut harga berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

## KENYATAAN SEBUT HARGA

**NO. SEBUT HARGA : LJT NO. 17 / 2023**

**TAJUK : MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GEOMATIC AND LAND SURVEYING DISCOVERY CENTRE (GLSDC) LEMBAGA JURUKUR TANAH (LJT)**

Semua pembekal hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak LJT.

### 1.1. Tujuan Sebut Harga

- (a) Pelawaan sebut harga ini adalah bagi **Membekal, Merekabentuk, Membangun, Menghantar, Memasang, Menguji, Melatih Dan Mentaulliah Laman Web Rasmi Dan Aplikasi Mudah Alih GLSDC LJT.**
- (b) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah **kod bidang 210103 dan 210104.**

### 1.2. Tempoh Sebut Harga

- (i) Dokumen sebut harga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat LJT, Tingkat 5, Wisma LJT, Lorong Perak Pusat Bandar Melawati 53100 Kuala Lumpur **SEBELUM ATAU PADA JUMAAT, 17 NOVEMBER 2023 JAM 12.00 TENGAH HARI.**
- (ii) Walau bagaimanapun, LJT berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembekal kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembekal dan LJT ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

### 1.3. Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

1.3.1. Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh pembekal, kesemua pembekal yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembekal (**Borang IV**) bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembekal hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

1.3.2. Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh pembekal, pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembekal Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat tawaran sebut harga. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembekal Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

## **BAHAGIAN I: ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL**

### **1. ARAHAN AM**

- 1.1. Pembekal yang dijemput adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di dalam dokumen ini membolehkan tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan oleh LJT.**
- 1.2. Pembekal yang ingin menyertai sebut harga ini dikehendaki membaca dan memahami dengan teliti mengenai pembekalan yang akan ditawarkan seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Teknikal dalam dokumen tawaran ini.
- 1.3. Pembekal yang menghadapi masalah atau tidak memahami perkara-perkara yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga ini boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan dari Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Pembekal tidak berhak membuat apa-apa kenyataan bahawa mereka tidak mendapat maklumat mencukupi dari LJT.

### **2. TAFSIRAN**

Dalam Dokumen Sebut Harga ini tafsiran bagi istilah yang berikut hendaklah digunakan, kecuali apabila konteksnya memerlukan berlainan maksud.

- 2.1. **Bulan** - Hendaklah bermaksud bulan kalendar Gregorian
- 2.2. **Dokumen Sebut Harga** - Dokumen ini berserta dengan lampiran-lampirannya.
- 2.3. **Harga Perolehan** - Harga dalam Ringgit Malaysia yang patut dibayar kepada Pembekal bagi perkhidmatan yang lengkap dan sempurna yang telah dilaksanakan oleh Pembekal berdasarkan tanggungjawabnya terhadap sebut harga ini.
- 2.4. **Hari** - Termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti am.
- 2.5. **LJT** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).
- 2.6. **Kontrak** - Satu perjanjian formal yang dipersetujui di antara pihak LJT dan Pembekal yang berjaya mengikut Akta Kontrak 1950.
- 2.7. **Pembekal** - Individu atau syarikat yang dengannya perolehan dibuat untuk melaksanakan skop kerja kepada LJT menurut Dokumen Sebut Harga ini, pengganti dan wakil atau agen yang dilantik Pembekal.
- 2.8. **Pihak Berkuasa Kontrak** - Sesiapa sahaja yang pada masa ini memegang atau melaksanakan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi LJT atau mana-mana pegawai lain yang diberikan kuasa oleh beliau.

- 2.9. **Premis** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).  
Aras 5-7, Wisma LJT,  
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati  
53100 Kuala Lumpur.
- 2.10. **Surat Setuju Terima (SST)** - Surat yang dikeluarkan oleh LJT yang menyatakan akuan penerimaan cadangan Sebut Harga yang akan mengikat di antara LJT dengan Pembekal, tanpa mengira sama ada perjanjian perolehan sedang ataupun belum dilaksanakan.
- 2.11. **Tarikh Penghantaran** - Tarikh yang dipersetujui antara LJT dan Pembekal bagi perolehan ini ke premis LJT.
- 2.12. **Waktu Kerja LJT** - Tempoh masa antara jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat dan tidak termasuk apa-apa cuti umum yang diiktiraf di negeri Selangor.

### 3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL

- 3.1. Sebut harga adalah dipelawa kepada semua Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 210103 dan 210104.
- 3.2. Pembekal juga dikehendaki berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 3.3. Pembekal mestilah merupakan agen yang diiktiraf / orang tengah bagi pembekal utama.
- 3.4. LJT berhak tidak mempertimbangkan atau menolak tawaran Pembekal sekiranya tidak mematuhi keperluan mana-mana para hingga 3.3.

### 4. KOS SEBUT HARGA

- 4.1. Pembekal mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebut harga. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

### 5. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 5.1. Semua tawaran harga yang dikemukakan pembekal pada **JADUAL TAWARAN HARGA (BORANG II)** hendaklah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** (termasuk semua cukai yang terlibat, jika ada) berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual tawaran harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga (termasuk penghantaran, pemasangan dan lain-lain tugas).
- 5.2. Penilaian harga antara pembekal adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan atau berasaskan item-item yang ditawarkan atau harga setiap item yang paling kompetitif. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit setiap item akan diambil kira.
- 5.3. Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku sebut harga iaitu selama **SEMBILAN PULUH (90) HARI** dari tarikh tutup sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh pembekal yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh kontrak dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

5.4. LJT akan meminta Pembekal untuk menyambung tempoh pengesahan sebut harga tersebut sekiranya diperlukan. Permintaan ini dan maklum balasnya mestilah dibuat secara bertulis.

5.5. Pembekal yang bersetuju dengan permintaan ini tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai sebut harganya tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan sebut harganya.

## **6. JAMINAN ATAS SEBUT HARGA**

6.1. Deposit Sebut Harga adalah dikecualikan. Walau bagaimanapun Pembekal-Pembekal mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

6.2. Pendaftaran Pembekal-Pembekal di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebut harga-sebut harga yang dikemukakan. Sekiranya Pembekal-Pembekal menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran sebelum setuju terima dikeluarkan tindakan menggantung pendaftaran akan diambil seperti berikut:

- i. Menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan kali pertama;
- ii. Menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua; dan
- iii. Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.

6.3. Syarikat-syarikat yang digantung/dipotong pendaftarannya tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam mana-mana sebut harga yang dipelawa.

6.4. Bagi semua penggantungan/pemotongan pendaftaran syarikat, nama pengarah-pengarah termasuk nama pemegang-pemegang saham terbesar akan di senarai hitamkan.

## **7. TEMPOH PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PERALATAN**

7.1. Pembekal adalah dikehendaki menyempurnakan semua kerja-kerja pembekalan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pelaksanaan dan Penyelenggaraan (**Borang VI**) dalam tempoh **ENAM (6) bulan** daripada tarikh setuju terima tawaran.

## **8. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN**

8.1. Tempoh kontrak adalah bermula dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani sehinggalah tarikh tamat obligasi yang terakhir.

8.2. Pembekal yang berjaya mestilah menyempurnakan perkhidmatan mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang ditandatangani.

8.3. Bagi kontrak kuantiti secara bermasa (sekiranya berkaitan), penghantaran bekalan adalah dalam tempoh penghantaran yang dipersetujui; atau mengikut item jika sekiranya melibatkan lebih daripada satu (1) jenis item dengan tempoh penghantaran yang berbeza; selepas menerima pesanan.



## 9. SETUJU TERIMA

- 9.1. Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada Pembekal yang berjaya akan dilakukan dalam tempoh satu (1) minggu selepas kelulusan LJT.
- 9.2. Surat Setuju Terima itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahsuaian syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian sebut harga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada Pembekal menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.
- 9.3. Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara LJT dengan Pembekal itu mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu, jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak itu.
- 9.4. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya **hendaklah** dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima manakala Bon Pelaksanaan pula **hendaklah** dalam tempoh TIGA PULUH (30) HARI selepas penerimaan Surat Setuju Terima. Pembekal hendaklah memohon lanjutan masa dan menyatakan sebab-sebab kelewatan tersebut sekiranya gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh ditetapkan. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

## 10. BON PERLAKSANAAN

- 10.1. Pembekal yang berjaya akan dikehendaki mengemukakan bersama-sama dengan surat setuju terima, Bon Pelaksanaan untuk memastikan supaya Pembekal yang berjaya itu menjalankan kontrak mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Nilai Bon Pelaksanaan yang dikenakan adalah seperti berikut.
  - i. Bagi kontrak yang berjumlah RM200,000.00 dan tidak melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 2.5% daripada jumlah harga kontrak;
  - ii. Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak; dan
  - iii. Bagi kontrak bermasa (*periodic contract*) yang berkuat kuasa dalam tempoh (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

10.2. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:

- i. Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- ii. Jaminan Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- iii. Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
- iv. Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
- v. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- vi. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

Tempoh sah laku bon pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah selama **DUA PULUH EMPAT (24) BULAN** daripada tarikh surat setuju terima.

## **11. PENGHANTARAN**

11.1. Penghantaran hendaklah dibuat terus ke premis LJT kecuali diarahkan oleh LJT sebaliknya. Pembekal hendaklah memberikan jadual penghantaran dengan menunjukkan masa untuk penghantaran. Jadual penghantaran tersebut hendaklah juga menyatakan masa yang diperlukan bagi penghantaran sepenuhnya.

11.2. Penyerahan / Penghantaran ini akan diperakui secara bertulis oleh LJT atau sesiapa sahaja yang diberikan kuasa oleh LJT. Walau bagaimanapun ia bukanlah bermakna penerimaan muktamad. Penerimaan muktamad akan dimaklumkan secara bertulis oleh LJT.

11.3. Kos penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pembekal.

## **12. PERALATAN SAMPINGAN**

12.1. Pembekal boleh mencadangkan peralatan aksesori tambahan yang boleh digunakan dalam perkakasan yang ditawarkan bagi menyempurnakan konfigurasi sistem atau yang dicadangkan atau memberikan penyelesaian menyeluruh. Item ini mesti dinilai dengan harga yang berasingan. Bagaimanapun, LJT berhak untuk mencadangkan samada aksesori tambahan ini perlu dibeli dan melihat pula kepada keperluan yang berkaitan.

### **13. PENERIMAAN SEMENTARA**

- 13.1. LJT akan memaklumkan sekiranya Pembekal dikehendaki membenarkan LJT menjalankan ujian ke atas peralatan yang dibekalkan untuk tempoh lima belas (15) hari dari tarikh siap pemasangan.
- 13.2. LJT akan memaklumkan secara bertulis tarikh penerimaan sementara sekiranya peralatan tersebut berfungsi dengan sepenuhnya dan sistem down time tidak melebihi 5%. Sistem down time bermaksud tempoh apabila peralatan tidak dapat berfungsi kerana sistem breakdown.
- 13.3. LJT mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian bagi penerimaan sementara sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan/kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau kecacatan pada peralatan.

### **14. PENERIMAAN AKHIR**

- 14.1. LJT akan menggunakan peralatan yang dipasang untuk tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan atau penerimaan sementara (jika ada). Dalam tempoh tersebut, Pembekal bertanggungjawab membetulkan sebarang kelemahan yang dikesan. LJT akan memaklumkan secara bertulis tarikh penerimaan akhir sekiranya dalam tempoh berkenaan peralatan tersebut berfungsi dengan sepenuhnya dengan sistem downtime tidak melebihi 1 %.
- 14.2. Sekiranya peralatan tersebut gagal memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki walaupun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan oleh Pembekal dalam tempoh yang telah dinyatakan, LJT berhak mendapatkan gantian. Sekiranya peralatan tersebut perlu diganti dengan yang lain, pihak Pembekal hendaklah menanggung segala kos yang terlibat.
- 14.3. LJT mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan atau kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau kecacatan pada peralatan.

### **15. JADUAL BAYARAN**

- 15.1. Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 15.2. Pembayaran hanya akan dibuat setelah kontrak ditandatangani oleh pembekal yang berjaya dan pihak LJT.

15.3. Pembekal yang berjaya akan ditawarkan harga kontrak mengikut peratusan berdasarkan kepada jadual seperti di bawah:

Bil	Tahap Kemajuan	Peratus Bayaran
1	Pengesahan Perakuan Kerja-kerja Siap	95%
2	Wang Tahanan – Baki Dibayar selepas tamat jaminan (tempoh tanggungan kecacatan) iaitu 12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap	5%

- 15.4. Pembayaran untuk setiap fasa tidak akan dikeluarkan sehingga fasa sebelumnya disempurnakan dan diluluskan oleh LJT.
- 15.5. Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh LJT tidak boleh dianggap sebagai bukti kualiti yang memenuhi spesifikasi mana-mana perkhidmatan yang berkaitan dengan pembayaran tersebut.
- 15.6. Pembayaran akan dibuat setelah Pembekal mengemukakan invoice yang telah disahkan oleh Penyelia Projek dan disertakan dokumen-dokumen penerimaan yang ditandatangani oleh LJT.
- 15.7. Invoice bersama dokumentasi tersebut perlu dihantar ke LJT untuk tindakan pembayaran. Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.
- 15.8. Pembayaran hanya akan dibuat sekiranya semua kerja telah dilaksanakan dengan sempurna, sebagaimana yang telah dipersetujui dan disahkan oleh LJT mengikut harga yang dipersetujui, atau harga per item, mengikut mana-mana yang berkaitan.
- 15.9. Sekiranya pihak LJT tidak berpuas hati dengan pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau bagi pembekalan atau perkhidmatan yang tidak dilaksanakan, LJT berhak untuk tidak membuat pembayaran.
- 15.10. Sekiranya terdapat denda penalti yang dikenakan atas sebarang bekalan atau perkhidmatan, maka perlu diselesaikan terlebih dahulu bayaran denda tersebut (sekiranya tiada pengecualian denda) sebelum bayaran penuh dilaksanakan kepada pembekal.

## **16. PENYERAHAN BIL/ TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/ KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA LJT**

16.1. Pembekal/kontraktor berjaya perlu mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bekalan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. LJt tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal/kontraktor jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari.

## **17. PENENTUAN TEKNIKAL**

- 17.1. Penentuan teknikal yang perlu dibekalkan hendaklah memenuhi spesifikasi keperluan minimum pada Bahagian II.
- 17.2. Pembekal adalah dikehendaki menyatakan keterangan terperinci spesifikasi teknikal yang dicadangkan dan maklumbalas yang perlu dikepilkan bersama dokumen sebut harga.
- 17.3. LJt tidak akan melayan sebarang tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat perbezaan antara tafsiran Pembekal dengan tafsiran LJt mengenai penentuan tersebut.

## **18. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN**

- 18.1. Sepanjang tempoh sebelum penyerahan sebut harga, Pembekal boleh meminta penjelasan dokumen sebut harga atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya daripada LJt. Sedapat yang mungkin pertanyaan hendaklah dibuat sekaligus bukan dibuat sedikit demi sedikit (*piece-meal*).
- 18.2. LJt akan berusaha untuk memberikan jawapan bertulis bagi semua pertanyaan dan jawapan tersebut bukan sahaja akan dikemukakan kepada Pembekal yang bertanya tetapi juga kepada semua pihak yang terlibat dengan syarat jawapan tersebut tidak melanggar (*infringe*) hak milik (*proprietary*) Pembekal yang bertanya. Dalam hal yang demikian pertanyaan yang boelh menimbulkan rasa tersinggung (*offending*) tidak akan dilayan.
- 18.3. LJt berhak untuk mengatur pertemuan dengan mana-mana Pembekal untuk mendapatkan penjelasan tentang perkara yang dinyatakan dalam cadangan sebut harga. Pertemuan tersebut akan dimaklumkan secara rasmi kepada Pembekal yang dimaksudkan dengan notis dalam masa yang singkat.
- 18.4. Jika Pembekal ingin menunjuk cara mana-mana aspek cadangan sebut harganya dengan menggunakan kelengkapan sesebuah organisasi lain yang bukan milik Pembekal, maka izin bertulis pihak organisasi itu mestilah diperolehi terlebih dahulu yang perlu diurus oleh Pembekal sendiri.
- 18.5. Maklumat yang diperolehi secara tidak rasmi tidak boleh dijadikan sebagai bahan sokongan bagi sesuatu cadangan yang dikemukakan, melainkan bahan/ maklumat berkenaan dieproleh secara rasmi (permohonan bertulis kepada pihak Lembaga).

18.6. Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada :-

**Urusetia Sebut Harga**

Nama : Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin  
No Telefon: 03-41085191  
Email : [linda.za@ljt.org.my](mailto:linda.za@ljt.org.my)

**Aspek Teknikal**

Nama : Puan Shariah Binti Megat Suffian  
No Telefon: 03-41085191  
Email : [shariah.ms@ljt.org.my](mailto:shariah.ms@ljt.org.my)

**19. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA**

- 19.1. Setelah nyata bahawa pembekalan, pengujian dan pentauliahan terlewat, Pembekal hendaklah memberikan notis bertulis tentang punca kelewatan kepada LJT.
- 19.2. Jika Pembekal yang berjaya tidak dapat menyempurnakan pembekalan, pengujian dan pentauliahan tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan mulai daripada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani, dan jika LJT tidak pula membatalkan Sebut harga menurut kuasa yang diperuntukkan dalam syarat Dokumen Sebut Harga ini, maka Pembekal yang berjaya hendaklah **membayar ganti rugi sebanyak RM300.00** bagi setiap hari atas kelewatan yang berlaku. Jumlah potongan boleh dibuat daripada mana-mana wang yang boleh dibayar kepada Pembekal yang berjaya menurut sebut harga ini dan juga sebut harga yang lain (jika ada) dengan LJT.
- 19.3. LJT berhak untuk menerima atau menolak sebarang perlanjutan tempoh yang diperlukan oleh Pembekal bagi pelaksanaan perolehan ini.
- 19.4. Bagi pelaksanaan pembekalan atau perkhidmatan yangterpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan pembekal seperti rusuhan, kekacauan awan, mogok, kebakaran, banjir atau yang seumpama, LJT boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat pembekal perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

**20. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN**

- 20.1. Segala pindaan dan pembatalan butiran dalam borang-borang atau maklumat yang disediakan hendaklah ditandatangani oleh Pembekal.

## **21. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA**

- 21.1. LJT tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.
- 21.2. LJT berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran sebut harga atau sebahagiannya. LJT juga berhak untuk mengubah spesifikasi sebut harga jika perlu.
- 21.3. Keputusan LJT adalah muktamad dan LJT tidak akan perlu memberi apa-apa alasan bagi sebarang penolakan mana-mana sebutharga.

## **22. KESALAHAN RASUAH**

- 22.1. Pembekal adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan pada 22 September 2008 melalui Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 26 SK.7 (3) bertarikh 28 Februari 2009 iaitu:
  - i. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
  - ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana pihak, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
  - iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap mana-mana pihak dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
  - iv. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **23. ARBITRASI**

23.1. Jika apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan tidak boleh diselesaikan dengan baik oleh kedua-dua pihak, dengan ini dalam masa tiga puluh (30) hari telah dirujuk kepada LJT, maka perkara itu, pertikaian atau tuntutan akan diputuskan oleh timbang tara sesuai dengan Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Kuala Lumpur (KLRC) sebelum seorang penimbang tara tunggal yang akan dicalonkan oleh KLRC dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak dan akan berlaku di Kuala Lumpur dan apa-apa rujukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai dikemukakan kepada timbang tara dalam pengertian Akta Timbang Tara, 1952.

23.2. Prosiding timbang tara hendaklah dijalankan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau kedua-duanya apabila difikirkan perlu.

23.3. Keputusan dan penghargaan penimbang tara adalah muktamad.

## **24. KESALAHAN MAKLUMAT**

24.1. Pembekal hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kos tambahan yang disebabkan oleh sebarang percanggahan ralat atau tidak dimasukkan dalam dokumentasi atau maklumat lain yang dibekalkan secara bertulis olehnya, sama ada ia telah diluluskan oleh LJT ataupun tidak, dengan syarat percanggahan, ralat atau maklumat yang tidak tepat telah dibekalkan secara bertulis kepada LJT oleh Pembekal.

Sekian, terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

.....  
**DATO' INDERA Sr ISMAIL BIN HARUN**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

Tarikh : .....



## BAHAGIAN II: KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

### 1. PENGENALAN

1.1. Geomatic and Land Surveying Discovery Centre (GLSDC) bercadang membangunkan laman web dan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) sebagai satu lagi saluran penyebaran maklumat antara GLSDC dan orang awam/pengunjung. Antara kepentingan dibangunkan laman web dan aplikasi mudah alih adalah seperti berikut:

- 1.1.1. Saluran dan Maklumat Rasmi - Menjadi saluran rasmi maklumat, dokumen dan perkhidmatan dalam talian GLSDC;
- 1.1.2. Perkhidmatan - Menyediakan maklumat dan perkhidmatan atas talian yang boleh dilaksanakan secara interaktif dan dapat menjimatkan masa orang ramai yang berurusan dengan GLSDC;
- 1.1.3. Mempromosikan GLSDC - Membantu dalam usaha-usaha mempromosikan dan memberi publisiti kepada program-program yang dilakukan oleh GLSDC;

### 2. SKOP PERKHIDMATAN

2.1. Pembekal perlu melaksanakan kerja-kerja berikut:

Bil	KEPERLUAN SPESIFIKASI MINIMA
1.	<p><b>SKOP KERJA</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Membekal, merekabentuk, membangun, menghantar, memasang, menguji, melatih dan mentauliah laman web rasmi dan aplikasi mudah alih GLSDC mengikut spesifikasi seperti yang tertera dalam dokumen <b>Bahagian II: Keperluan Spesifikasi Teknikal</b>;</li><li>ii. Latihan dan Pemindahan Teknologi (2 orang);</li><li>iii. Menyelenggara laman web dan aplikasi mudah alih untuk tempoh satu (1) tahun selepas Pengesahan Kerja Siap;</li><li>iv. Pengemaskinian perisian/platform;</li><li>v. Penyelenggaraan Pencegahan (<i>Preventive Maintenance</i>) sekurang-kurangnya 2 kali setahun dalam tempoh jaminan.;</li><li>vi. Khidmat bantuan telefon, e-mel dan sokongan jarak jauh (<i>remote support</i>) tanpa had.</li></ul>
2.	<p><b>WARANTI / JAMINAN:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Waranti dan jaminan selama satu (1) tahun dari tarikh Pengesahan</li></ul>

3.	<p><b>PERKAKASAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 1 unit Web Server dan Database Server</li> <li>ii. 1 unit Network Controller</li> <li>iii. 1 unit Network Switch</li> <li>iv. 8 unit Access Point</li> </ul>
----	---

### 3. LOKASI PEMASANGAN

3.1. Lokasi membekal, menghantar, memasang, menguji, memigrasi dan mentauliah adalah di Pusat Data LJT seperti berikut:

**Lembaga Jurukur Tanah Malaysia**  
**Aras 5, Wisma LJT**  
**Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati**  
**53100 Kuala Lumpur**

### 4. TEMPOH DAN JADUAL PELAKSANAAN

- 4.1. Pembekal dikehendaki untuk melaksana dan menyiapkan projek ini dalam tempoh maksimum 6 bulan bermula daripada penerimaan Surat Setuju Terima.
- 4.2. Sila kemukakan cadangan jadual pelaksanaan projek terperinci dalam bentuk Carta Gantt dengan menyatakan: i. Perincian aktiviti ii. Turutan logikal bagi pelan pelaksanaan pembangunan laman web dan aplikasi mudah alih.
- 4.3. Jangkaan siap bagi laman web dan aplikasi mudah alih perlu diselesaikan dalam tempoh 6 bulan.

### 5. ANALISIS KEPERLUAN PENGGUNA

- 5.1. Kajian dan analisis keperluan pengguna (User Requirement Study - URS) melibatkan keperluan pengguna bagi laman web dan aplikasi mudah GLSDC merangkumi keseluruhan menu-menu yang diperlukan.
- 5.2. Menyediakan satu dokumen kajian keperluan pengguna (URS) yang lengkap disediakan dalam softcopy dan hardcopy untuk pihak LJT di akhir proses analisis keperluan pengguna.

### 6. SPESIFIKASI LAMAN WEB

#### 6.1. Struktur dan Persembahan Laman Web

##### 6.1.1. Muka Utama Laman Web (Homepage)

- Maklumat disediakan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

- Dimulai dengan muka utama laman web (homepage) yang perlu mengandungi lima elemen asas iaitu:
  - 6.1.1..1.Pengenalan kepada GLSDC, menu maklumat utama, pengenalan segmen-segmen yang disediakan di GLSDC;
  - 6.1.1..2.Menu perkhidmatan dalam talian seperti tempahan slot lawatan dan pembelian barang secara online;
  - 6.1.1..3.Menu hiperrangkai
  - 6.1.1..4.Menu berita dan pengumuman penting
- 6.1.2. Elemen Pengenalan kepada GLSDC
  - Elemen pengenalan LJT dimulai dengan ucapan selamat datang, memasukkan perkataan “Laman Rasmi” dan diikuti nama rasmi GLSDC, logo GLSDC, versi Bahasa Melayu atau Inggeris, alamat, nombor telefon, nombor faks, alamat emel dan penafian.
  - Pengenalan setiap segmen yang terdapat di GLSDC, pengenalan ringkas mengenai GLSDC.
  - Memaparkan bilangan pelawat.
  - Perkataan “Laman Rasmi” diperlukan untuk menunjukkan bahawa laman web GLSDC ialah laman yang autoritatif. LJT tidak akan bertanggungjawab terhadap laman web yang tidak autoritatif walaupun ia disediakan bagi pihak sesuatu jabatan Kerajaan atau pihak ketiga.
- 6.1.3. Laman web perlu disediakan untuk beberapa peringkat pengguna dan tetapan peranan yang boleh ditentukan termasuk dan tidak terhad kepada Pentadbir Utama, Umum dan Pengguna.
- 6.1.4. Fungsi pendaftaran pengguna hendaklah diperkuatkan dengan penghantaran one-time password (OTP) melalui emel. Emel gateway hendaklah menggunakan perkhidmatan yang akan ditentukan oleh LJT.
- 6.1.5. Sistem perlu menyediakan fungsi lupa katalaluan untuk membolehkan pentadbir menetapkan semula katalaluan untuk log masuk.
- 6.1.6. Laman web hendaklah menyediakan menu perkhidmatan dalam talian antaranya:
  - Paparan Slot Lawatan – Hendaklah mengandungi fungsi berikut: 1) Semakan Jadual Lawatan 2) Daftar Permohonan Lawatan 3) Semakan Permohonan Lawatan 4) Maklumbalas Kehadiran 5) Kelulusan Permohonan Lawatan (Notifikasi) 6) Daftar Kehadiran Lawatan - Fizikal (Kehadiran Slot Lawatan) – Secara QR Code.
  - Konfigurasi slot lawatan – Pengguna membuat tetapan antaranya hari dibenarkan melawat, bilangan maksimum pelawat untuk satu slot, penutupan dan pembukaan slot.
  - Pencarian maklumat seperti direktori, indeks maklumat, enjin gelintar (search engine) dan sebagainya.
  - Interaksi antara GLSDC dengan pelanggan dan sebaliknya melalui aplikasi tertentu seperti e-mel, telefon internet, internet relay-chat, surat edaran elektronik dan sebagainya.

- Menyediakan perkhidmatan mengemukakan maklum balas seperti memberi respons, cadangan, komen dan sebagainya.

## 6.2. Rekabentuk Laman Web Dan Penyediaan Maklumat

6.2.1. Mencadangkan penggunaan *Content Management Software (CMS)* atau web pasang siap yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- Pembekal hendaklah menyatakan CMS, pangkalan data, OS dan versi yang digunakan.
- Perisian yang digunakan MESTILAH yang asli dan bukan trial version atau freeware. Perisian sentiasa dikemas kini dengan versi yang terkini.
- CMS mampu berintegrasi dengan aplikasi mudah alih, *sekiranya* perlu.
- Laman web yang dibangunkan berkonsep responsive design iaitu paparan sistem perlu sesuai dengan semua jenis platform seperti skrin komputer, laptop, telefon pintar dan sebagainya. Laman web juga perlu serasi (compatible) dengan pelbagai browser versi terkini seperti Microsoft Edge, Mozilla Firefox dan Google Chrome.

6.2.2. Pembekal hendaklah menepati piawai keselamatan yang terkini semasa pembangunan sistem bagi mengelakkan masalah keselamatan seperti ancaman siber.

6.3. Pembekal boleh merujuk *mock-up* cadangan rekabentuk laman web seperti di **Lampiran A – Cadangan Rekabentuk Laman Web Rasmi GLSDC**.

## 7. SPESIFIKASI PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH (*MOBILE APPS*)

7.1. Maklumat disediakan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

7.2. Pembangunan aplikasi mudah alih hendaklah menggunakan kerangka kerja versi terkini dengan bahasa pengaturcaraan versi terkini. Sila nyatakan jenis dan versi yang akan digunakan.

7.3. Aplikasi mudah alih yang dibangunkan perlu serasi (compatible) dengan pelbagai platform mudah alih utama iaitu ios Apps Store, Google Playstore dan Huawei AppGallery.

7.4. Penyebutharga juga perlu menyediakan, menginstalasi dan mengkonfigurasi sebarang perisian-perisian lain yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung di dalam penyediaan dan pembangunan aplikasi mudah alih. Perisian yang digunakan didalam pembangunan aplikasi mudah alih ini MESTILAH yang asli dan bukan trial version atau freeware.

7.5. Penyebutharga hendaklah memastikan tahap aplikasi mudah alih ini adalah bersifat robust, kebolehsediaan dan kebolehcapaian dalam keadaan tertentu seperti heavy loads, high concurrency or limited computational resource.

### 7.6. Struktur dan Persembahan Aplikasi Mudah Alih

7.6.1. Teks dan info grafik yang bersesuaian.

7.6.2. Paparan peta galeri dan penerangan galeri/segmen secara ringkas.

7.6.3. Fungsi lawatan berpandu (*guided tour*).

7.6.4. Audio bagi setiap segmen – Hendaklah menyediakan grafik dan audio bagi setiap segmen / sub-segmen – secara QR Code.

7.7. Pembekal hendaklah menyediakan **50** audio soundtrack dalam format MP3 (25 dalam Bahasa Melayu dan 25 audio dalam Bahasa Inggeris) termasuk proses *copy editing, translation, talent fee* dan *studio recording fee*.

7.8. Sekiranya perlu, pangkalan data bagi aplikasi mudah alih dan laman web GLSDC mestilah saling berhubung kait serta boleh berkomunikasi di antara satu sama lain.

7.9. Pembekal boleh merujuk *mock-up* cadangan rekabentuk aplikasi mudah alih seperti di **Lampiran B – Cadangan Rekabentuk Aplikasi Mudah Alih (Mobile App)**.

## 8. PERKAKASAN

8.1. Membekal, memasang dan mengkonfigurasi perkakasan *hosting* laman web dan aplikasi mudah alih yang melibatkan item-item berikut:

8.1.1. 1 Unit Web Dan Database Server

8.1.2. 1 Unit Network Controller

8.1.3. 1 Unit Network Switch

8.1.4. 8 Unit Access Point

## 9. PENGUJIAN

9.1. Membuat pengujian bagi pembangunan laman web dan aplikasi mudah alih sebelum diserahkan kepada LJT untuk Ujian Pengesahan dan Penerimaan. Penyebut harga perlu mengemukakan notis kepada LJT sebelum proses pengujian dilaksanakan.

9.2. Melaksanakan ujian penembusan (pentest) dan mengemukakan laporan kepada pihak LJT.

9.3. Penyebut harga hendaklah menyediakan khidmat sokongan kepakaran yang mencukupi bagi pengujian yang dijalankan. Sekiranya dalam tempoh ujian pihak LJT mendapati sebarang perisian dan aplikasi atau mana-mana salah satu dari yang dinyatakan tidak berfungsi kerana kesilapan / kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (workmanship) atau peralatan, penyebut harga perlu memperbaiki atau mengganti perisian dan aplikasi berkenaan dengan perbelanjaan sendiri.

9.4. Mengemukakan pelan pengujian yang meliputi jadual pengujian, kumpulan sasaran, skrip ujian, set data ujian dan lain-lain, mengikut jadual pelaksanaan projek serta disahkan dan dipersetujui oleh pihak LJT. Sebarang perubahan tarikh hendaklah dipersetujui oleh LJT.

9.5. Mengaturkan pengujian-pengujian User Acceptance Test (UAT) dan Final Acceptance Test (FAT) untuk dijalankan oleh LJT. Penyebut harga hendaklah mengemukakan laporan pengujian ini untuk pengesahan dan kelulusan LJT.

9.6. Menyediakan semua keperluan yang berkaitan dengan aktiviti pengujian termasuk kesediaan infrastruktur, lokasi dan lain-lain yang berkaitan dengan persetujuan LJT.

9.7. Menyediakan latihan pemindahan teknologi (TOT).

## 10. MANUAL DAN DOKUMENTASI

- 10.1. Memastikan dokumentasi yang disediakan dalam Bahasa Melayu.
- 10.2. Pembekal yang berjaya dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) salinan manual dan dokumentasi mengenai pengendalian dan cara menyelenggara laman web dan aplikasi mudah alih. Kesemua dokumen manual mestilah asli, lengkap dan dibukukan dengan kemas.
- 10.3. Penyebutharga hendaklah menyediakan dokumen/ laporan merangkumi dan tidak terhad kepada:
  - 10.3.1. Laporan Penetration Test
  - 10.3.2. Laporan User Acceptance Test (UAT)
  - 10.3.3. Laporan Final Acceptance Test (FAT)
  - 10.3.4. Dokumentasi Spesifikasi Keperluan Pengguna (URS)
  - 10.3.5. Dokumentasi Spesifikasi Rekabentuk Sistem (SDS)
  - 10.3.6. Dokumentasi Spesifikasi Keperluan Sistem (SRS)
  - 10.3.7. Dokumentasi Kod Sumber
  - 10.3.8. Laporan Serahan Projek
  - 10.3.9. Manual Pengguna
  - 10.3.10. Manual Teknikal/ Standard Operating Procedure (SOP)
- 10.4. Semasa dalam tempoh kontrak dan tempoh jaminan, dokumentasi-dokumentasi projek hendaklah sentiasa dikemaskini dan perlu diserahkan kepada pihak LJT.

## 11. SOKONGAN DAN PENYELENGGARAAN

- 11.1. Pembekal hendaklah menyelenggara laman web dan aplikasi mobile untuk tempoh satu (1) tahun selepas Pengesahan Kerja Siap.
- 11.2. Pembekal hendaklah melaksanakan Penyelenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*) sekurang-kurangnya 2 kali.
- 11.3. Laman web dan aplikasi mudah alih hendaklah beroperasi secara berterusan, diselenggara dan dikemaskini mengikut keperluan dari masa ke masa. Antara perkara yang perlu diselenggara adalah:
  - 11.3.1. Perubahan alamat laman web dan alamat dokumen;
  - 11.3.2. Hiperrangkaian;
  - 11.3.3. Penyiaran pengumuman, aktiviti-aktiviti dan surat siaran (Newsletter);
  - 11.3.4. Maklum balas;
  - 11.3.5. Integrasi ke sistem lain, sekiranya perlu;
  - 11.3.6. Muatnaik dan *archive* notis, dokumen, imej dan sebagainya.
- 11.4. Pembekal hendaklah melaksanakan kerja-kerja *backup* dan *restore* untuk data dan *full system* mengikut jadual yang telah dipersetujui antara Pembekal dan LJT. Pembekal hendaklah mencadangkan jenis dan jadual proses *backup* yang bersesuaian kepada LJT.
- 11.5. Dalam tempoh jaminan, pembekal mestilah melaksanakan kerja-kerja update patches dan new release secara berkala ke atas semua Operating System, pangkalan data, CMS dan lain-lain perisian berkaitan. Pembekal hendaklah memastikan semua patches tersebut telah dibuat pengujian terlebih dahulu.

- 11.6. Pembekal perlu menjalankan Pengurusan Perubahan dan Version Control mengikut prosedur pengurusan ralat, penambahbaikan dan version control yang dilaksanakan oleh LJT serta memantau log yang dilaporkan sehingga selesai.
- 11.7. Keperluan tempoh jaminan dalam memberi khidmat sokongan teknikal dan penyenggaraan semasa tempoh jaminan.
- 11.8. Dalam tempoh jaminan ini, semua khidmat baik pulih, penyenggaraan data yang dipindahkan hendaklah diberi secara percuma. Sekiranya penyebut harga tidak membaikpulihan atau menyenggara data yang dipindahkan dalam tempoh ditetapkan, denda lewat akan dikenakan.
- 11.9. Pembekal hendaklah menyediakan minimum 2 orang kakitangan khidmat sokongan operasi yang cekap, mahir dan terlatih bagi tujuan ini.
- 11.10. Dalam tempoh jaminan, pembekal mestilah bersetuju menerima aduan melalui emel, SMS, aplikasi Whatsapp, faks dan secara lisan bagi pelaporan masalah berkaitan sistem dan mobile apps yang dibangunkan dalam tempoh 8.00 pagi sehingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat, kecuali cuti umum).
- 11.11. Selepas tamat tempoh jaminan dan penyelenggaraan, Pembekal hendaklah bersetuju menjalankan kontrak penyenggaraan jika dikehendaki oleh LJT.

## **12. KERJA-KERJA PEMASANGAN (INSTALLATION)**

- 12.1. Pembekal hendaklah menyediakan infrastruktur bagi pelaksanaan laman web dan aplikasi mudah alih merangkumi server web, server pangkalan data dan rangkaian. Penyebutharga perlu menyatakan perkara berikut:
  - 12.1.1. keperluan spesifikasi server bagi membolehkan laman web dan aplikasi mudah alih beroperasi dengan lancar
  - 12.1.2. keperluan rangkaian
  - 12.1.3. Keperluan sistem pengoperasian, jenis Web Server, pangkalan data dan lain-lain komponen
- 12.2. Penyebutharga boleh mencadangkan keperluan tambahan yang dirasakan perlu.
- 12.3. Penyebutharga perlu melaksanakan semua kerja-kerja instalasi laman web dan aplikasi mudah alih.
- 12.4. Penyebutharga hendaklah memaklumkan 5 hari waktu bekerja sebelum kerja-kerja pemasangan dilakukan.
- 12.5. Penyebutharga hendaklah melaksanakan kerja dalam tempoh waktu bekerja dari pukul 8.00 pagi ke 5.30 petang. Jika ada kerja yang perlu dilaksanakan diluar waktu ini penyebutharga hendaklah memaklumkan 3 hari sebelum tarikh berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan pengurusan LJT.

## **13. LATIHAN**

- 13.1. Pembekal dikehendaki melaksanakan sesi Latihan kepada pegawai LJT dengan sempurna dan memuaskan di lokasi yang ditetapkan oleh LJT.
- 13.2. Pembekal dikehendaki menanggung kos makan dan minum sepanjang para peserta serta tenaga pengajar yang terlibat sepanjang tempoh latihan.

#### **14. LAIN-LAIN**

- 14.1. Pembekal hendaklah menyediakan pautan untuk sekurang-kurangnya satu (1) sampel laman web yang telah dibina untuk rujukan LJT
- 14.2. HAK CIPTA: Keseluruhan laman web dan aplikasi mudah alih yang dibangunkan termasuk source codes serta dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan projek ini adalah menjadi Hak Milik LJT sepenuhnya.



## **BAHAGIAN III: CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA**

### **1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA**

- 1.1. Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat seperti yang ditentukan dan **ditaip/dicetak dengan kemas dan terang**. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi Pembekal dibenarkan menaip/mencetak maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh Pembekal. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh Pembekal dan diberi tarikh sebenar.
- 1.2. Dokumen sebut harga **dimestikan** mengandungi dan mengikut susunan perkara-perkara di bawah. Pihak LJT berhak untuk menolak sebarang cadangan Sebut Harga yang tidak mematuhi.

#### **1.2.1. DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN**

- i. Senarai Semak
- ii. Surat Rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat, e-mel, nombor telefon dan nombor faksimili yang boleh dihubungi berkaitan sebut harga ini.
- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan.
- iv. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- v. Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Bumiputera (jika ada).
- vi. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terkini (dari tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga).
- vii. Salinan Penyata Kewangan syarikat yang telah diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir; atau tahun kewangan sebelumnya jika tiada (sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga).
- viii. Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada).
- ix. Borang I (Borang Akaun Sebut harga).
- x. Borang II (Jadual Tawaran Harga).
- xi. Borang III (Borang Soal Selidik Syarikat).
- xii. Borang IV (Surat Akaun Pembida).

#### **1.2.2. DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL**

- i. Isi Kandungan
- ii. Borang V (Ringkasan Bekalan) – Salinan bercetak (*Hard Copy*)
- iii. Borang VI (Jadual Pelaksanaan dan Penyelenggaraan)
- iv. Borang VII (Borang Soal Selidik Penentuan Teknikal) serta spesifikasi – Salinan bercetak (*Hard Copy*)
- v. Brosur / katalog

- 1.3. **Dokumen Tawaran Teknikal** dan **Dokumen Tawaran Kewangan** termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **DUA (2) SAMPUL YANG BERASINGAN**.
- 1.4. Pembekal hendaklah menghantar **satu (1)** salinan asal bagi kedua-dua dokumen di atas dan dilabel sebagai "**ASAL** dan **dua (2)** salinan lain yang dilabel sebagai "**SALINAN**".
- 1.5. Setiap cadangan Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat/bungkusan berlakri (*sealed*) dan ditandakan pada bahagian atas sampul/bungkusan itu seperti berikut:

**SEBUT HARGA LJT NO. 17 / 2023**  
**CADANGAN KEWANGAN SEBUT HARGA**  
**MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH**  
**DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT**  
**DAN**

**SEBUT HARGA LJT NO. 17 / 2023**  
**CADANGAN TEKNIKAL SEBUT HARGA**  
**MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,**  
**MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT**

- 1.6. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan dalam satu sampul/bungkusan semasa penyerahan di LJT.

## **2. PENYERAHAN SEBUT HARGA**

- 2.1. Pembekal hendaklah menyerahkan tawaran Sebut harga kepada LJT secara serahan manual.
- 2.2. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui serahan tangan.
- 2.3. Sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Jurukur Tanah Malaysia**  
**Aras 5-7, Wisma LJT,**  
**Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati**  
**53100 Kuala Lumpur**

## **3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA**

- 3.1. Sebut harga akan ditutup pada jam **12.00 tengahari, Jumaat, 17 November 2023**. Sebut harga hendaklah sampai ke LJT sebelum waktu dan tarikh tersebut.

## **4. PERTANYAAN**

- 4.1. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada Pn Norzailinda Binti Zainal Abidin (Tel : 03-41085191).

#### BAHAGIAN IV : BORANG SEBUT HARGA

MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,  
MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT  
SEBUT HARGA: LJT NO. 17 / 2023

#### SENARAI SEMAK

Sila tandakan ( / ) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PEMBEKAL	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
<b>SYARAT AM</b>			
1.	<b>Dokumen Tawaran Teknikal dan Dokumen Tawaran Kewangan</b> hendaklah disediakan dalam dua (2) sampul yang berasingan. Kedua-dua sampul tersebut dimasukkan dalam satu (1) sampul atau bungkusan semasa penyerahan di LJT.		
2.	Pembekal hendaklah menghantar <b>satu (1)</b> salinan asal bagi kedua-dua dokumen di atas dan dilabel sebagai ' <b>ASAL</b> ' dan <b>dua (2)</b> salinan lain yang dilabel sebagai ' <b>SALINAN</b> '.		
<b>DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN</b>			
3.	<b>SENARAI SEMAK</b> penyerahan dokumen yang telah ditanda oleh Pembekal		
4.	Surat rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat, e-mel, nombor telefon dan nombor faksimili		
5.	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan		
6.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
7.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada)		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terkini (dari tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga)		

9.	Salinan Penyata Kewangan syarikat yang telah diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir; atau tahun kewangan sebelumnya jika tiada (sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga)		
10.	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada)		
11.	<b>Borang I</b> (Borang Akuan Sebut Harga)		
12.	<b>Borang II</b> (Jadual Tawaran Harga)		
13.	<b>Borang III</b> (Borang Soal Selidik Syarikat)		
14.	<b>Borang IV</b> ( Surat Akuan Pembida)		
<b>DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL</b>			
15.	Isi Kandungan		
16.	<b>Borang V</b> – Ringkasan Bekalan - – Salinan bercetak ( <i>Hard copy</i> )		
17.	<b>Borang VI</b> – Jadual Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan		
18.	<b>Borang VII</b> (Borang Soal Selidik Penentuan Teknikal ) – Salinan bercetak ( <i>Hard copy</i> )		
19.	Brosur / katalog peralatan yang dicadangkan		

<b>PENGESAHAN OLEH PEMBEKAL</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN LJT</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil .....</p> <p>..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>

## **BORANG I - AKUAN SEBUT HARGA**

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT),  
Aras 5-7, Wisma LJT,  
Lorong Perak Pusat Bandar Melawati,  
53100 Kuala Lumpur  
(u.p: Seksyen Teknologi Maklumat)

Tuan,

### **MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT - NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: LJT NO. 17 / 2023**

Merujuk kepada perkara di atas dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal. Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, menyenggara dalam tempoh jaminan dan mentauliah sepertimana yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama sebut harga.

2. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.
3. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian, penyenggaraan dalam tempoh jaminan, pentauliahan dan bekerja mengikut Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal yang diberikan termasuk tempoh siap kerja maksima enam (6) bulan.
4. Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak sebut harga kami sama ada ianya lebih tinggi atau lebih rendah dari sebut harga lain atau sama. Sebut harga ini akan sentiasa sah laku minimum selama sembilan puluh (90) hari dan maksimum selama enam (6) bulan dari tarikh tutup sebut harga.
5. Dan selanjutnya, pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya pihak tuan menerima sebut harga ini untuk menyediakan pernyataan penerimaan deposit Bon Pelaksanaan sekiranya dipohon.
6. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebut harga.

Tandatangan Pembekal: .....

Nama:

No. KP:

Jawatan:

Nama dan alamat syarikat:

Cop syarikat:

Tarikh :

Tandatangan Saksi: .....

Nama:

No. KP:

Jawatan:

Nama dan alamat syarikat:

Cop syarikat:

Tarikh :

**BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA**

**MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,  
MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT  
SEBUT HARGA: LJT NO. 17 / 2023**

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT/KADAR (RM)	SST (RM)	HARGA SEUNIT/KADAR TERMASUK SST (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1.	PEMBANGUNAN WEB RASMI GLSDC	1				
2.	PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC	1				
3.	PENYEDIAAN AUDIO <i>SOUNDTRACK</i> DALAM FORMAT MP3 TERMASUK PROSES <i>COPY EDITING, TRANSLATION, TALENT FEE</i> DAN <i>STUDIO RECORDING FEE</i>	50				
4.	PERKAKASAN					
	4.1 WEB DAN DATABASE SERVER	1				
	4.2 NETWORK CONTROLLER	1				
	4.3 NETWORK SWITCH	1				
	4.4 ACCESS POINT	8				
5.	PERISIAN, PELESENAN DAN <i>SUBSCRIPTION</i> (sila nyatakan jika ada)					
6.	PEMASANGAN, KONFIGURASI DAN PENTAULIAHAN	1				
7.	PENYELENGGARAAN LAMAN WEB DAN APLIKASI (12 BULAN)	1				
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>						

Tandatangan Wakil Syarikat : .....

Nama dan Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh : .....

## BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT

### A. PROFIL SYARIKAT

Arahan: Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebutharga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran Sebut Harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.

#### Butir-butir Syarikat

1. Nama Syarikat : .....
2. No. Pendaftaran Syarikat: ..... Tarikh Tamat: .....
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: ..... Tarikh Tamat: .....
4. Alamat Pendaftaran Syarikat:  
.....  
.....
5. Alamat Surat Menyurat:  
.....  
.....
6. No Telefon : ..... No Faks : .....
7. Taraf Syarikat\*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera / ....% Bukan Bumiputera / .....% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera: .....hingga .....
10. Jenis Syarikat\*: Perseorangan: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain  
.....(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran Sebut Harga : .....

#### Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

#### Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat  
- Sila potong yang tidak berkenaan.

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan	Warganegara
1.	.....	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....	.....



## Struktur Pengurusan Syarikat

### Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera	.....	.....
2.	Bukan Bumiputera	.....	.....
3.	Bukan Warganegara	.....	.....

### Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera	.....	.....
2.	Bukan Bumiputera	.....	.....
3.	Bukan Warganegara	.....	.....

## B. PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT

1. Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat. Ringkasan adalah seperti jadual di bawah :

Nama syarikat / Agensi serta lokasi	Jenis kerja/ Skop Projek	Tarikh Dijadualkan Tamat	Nilai Projek (RM)

2. Pengalaman dalam melaksanakan projek seumpamanya yang berkaitan pembangunan laman web dan aplikasi mudah alih dalam 3 tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/ telefon serta jangkamasa/ tahun projek seperti di bawah):-

Nama Organisasi, rujukan pelanggan dan lokasi	Perkara / Skop Kerja	Tempoh Pelaksanaan	Nilai Projek (RM)

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....

(Tandatangan)

Nama : .....

Cop rasmi syarikat :

Tarikh : .....

**BORANG IV - SURAT AKUAN PEMBIDA**

**MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN  
MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT  
SEBUT HARGA: LJT NO. 17 / 2023**

*(Perlu diisi dan ditandatangani oleh Pembekal)*

Saya ..... No Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... Nombor Pendaftaran Syarikat ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LJT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :  
No. KP :

**BORANG V – RINGKASAN BEKALAN****MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN  
MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT  
SEBUT HARGA: LJT NO. 17 / 2023**

(Perlu diisi dan ditandatangani pembekal)

Pembekal dikehendaki mengisi ruang kosong di bawah. Sila nyatakan platform dan perisian yang digunakan untuk pembangunan laman web dan aplikasi.

<b>BIL</b>	<b>NAMA ITEM</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>PLATFORM SISTEM/ JENAMA PERKAKASAN</b>	<b>PLATFORM VERSI/ JENAMA MODEL</b>	<b>JAMINAN (TAHUN) (jika berkaitan)</b>
1.	PEMBANGUNAN WEB RASMI GLSDC	1			
2.	PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC	1			
3.	PENYEDIAAN AUDIO <i>SOUNDTRACK</i> DALAM FORMAT MP3 TERMASUK PROSES <i>COPY EDITING</i> , <i>TRANSLATION</i> , <i>TALENT FEE</i> DAN <i>STUDIO RECORDING FEE</i>	50			
4.	PERKAKASAN				
	4.1 WEB DAN DATABASE SERVER	1			
	4.2 NETWORK CONTROLLER	1			
	4.3 NETWORK SWITCH	1			
	4.4 ACCESS POINT	8			
5.	PERISIAN, PELESENAN DAN <i>SUBSCRIPTION</i>				

Tandatangan Wakil Syarikat : .....

Nama dan Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh: .....

**BORANG VI - JADUAL PELAKSANAAN DAN PENYELENGGARAAN****MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR,  
MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA LAMAN WEB RASMI  
DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT  
SEBUT HARGA: LJT NO. 17 / 2023**

Pembekal hendaklah menyediakan jadual pelaksanaan yang bersesuaian dan tidak melebihi tempoh pelaksanaan maksimum selama enam (6) bulan:

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>CADANGAN TEMPOH (MINGGU)</b>
<b>1</b>	<b>Pelaksanaan</b>	
	1.1 Surat Setuju Terima	
	1.2 <i>Project Kick-Off</i> dan Kajian Keperluan Pengguna	
	1.3 Penyediaan Spesifikasi Teknikal, Pembangunan dan Pengujian	
	1.4 Pemasangan dan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT)	
	1.5 Pengujian Penerimaan Akhir (FAT), Latihan dan Dokumentasi	
	1.6 Pengesahan Perakuan Kerja Siap	
	<b>TEMPOH KESELURUHAN</b>	
<b>2</b>	<b>Penyelenggaraan</b>	
	2.1 Penyelenggaraan Laman Web dan Aplikasi Mudah Alih Selepas Perakuan Kerja Siap untuk tempoh 1 tahun	1 Tahun

Tandatangan Wakil Syarikat : .....

Nama dan Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh: .....

**BORANG VII – SOAI SELIDIK PENENTUAN TEKNIKAL****MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LIT  
SEBUT HARGA: LIT NO. 17 / 2023****(KEPERLUAN SPESIFIKASI MINIMA)**

Pembekal dikehendaki mengisi ruang kosong di bawah dengan lengkap beserta catatan /keterangan lain.

<b>BIL.</b>	<b>KEPERLUAN SPESIFIKASI MINIMA</b>	<b>SILA TANDA (/) – MEMENUHI SILA TANDA (X) – TIDAK MEMENUHI</b>	<b>CATATAN / KETERANGAN TERPERINCI</b>
1.	<b>SKOP PERKHIDMATAN</b>		
	i. Membekal, merekabentuk, membangun, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah laman web rasmi dan aplikasi mudah alih GLSDC mengikut spesifikasi seperti yang disenaraikan dalam dokumen <b>Bahagian II : Keperluan Spesifikasi Teknikal</b>		(Sila nyatakan jenis dan versi platform pembangunan yang akan digunakan )
	ii. Penyediaan audio soundtrack dalam format MP3 termasuk proses <i>copy editing, translation, talent fee</i> dan <i>studio recording fee</i>		
	iii. Latihan dan Pemindahan Teknologi (2 orang)		
	iv. Khidmat bantuan telefon, e-mel dan sokongan jarak jauh ( <i>remote support</i> ) tanpa had		
	v. Menyelenggara laman web dan aplikasi mudah alih untuk tempoh satu (1) tahun selepas Pengesahan Kerja Siap		
	vi. Pengemaskinian perisian/platform		
	vii. Penyelenggaraan Pencegahan ( <i>Preventive Maintenance</i> ) 2 kali setahun		
2.	<b>WARANTI / JAMINAN</b>		
	i. Waranti dan jaminan selama satu (1) tahun dari tarikh Pengesahan Kerja Siap		
3.	<b>RUJUKAN</b>		

	i. Namakan sekurang-kurangnya satu (1) projek laman web yang telah siap beserta platform yang digunakan.		(Sila nyatakan URL laman web)
	ii. Namakan sekurang-kurangnya satu (1) aplikasi mudah alih yang telah siap beserta platform yang digunakan.		(Sila nyatakan nama aplikasi mudah alih)
4.	<b>PERKAKASAN</b>		
	i. Web dan Database Server – 1 unit (Sila rujuk spesifikasi)		(Sila nyatakan jenama dan model)
	ii. Network Controller – 1 unit (Sila rujuk spesifikasi)		(Sila nyatakan jenama dan model)
	iii. Network Switch – 1 unit (Sila rujuk spesifikasi)		(Sila nyatakan jenama dan model)
	iv. Access Point – 8 unit (Sila rujuk spesifikasi)		(Sila nyatakan jenama dan model)

#### SPESIFIKASI PERKAKASAN

##### i. Web dan Database Server (1 unit)

<b>Form Factor</b>	1U Rack Server
<b>Chipset</b>	Intel
<b>Processor</b>	Intel Xeon 4C/8T 3.4Ghz
<b>Memory</b>	16GB
<b>Storage</b>	1TB
<b>Warranty</b>	3-years onsite support

##### ii. Network Controller (1 unit)

<b>Dimensions</b>	27.10 x 46.80 x 119.75 mm (1.07 x 1.84 x 4.71")
<b>Weight</b>	150 g (5.29 oz)
<b>Enclosure</b>	Anodized Aluminum
<b>Processor</b>	APQ8053 with 2 GB RAM
<b>eMMC Memory</b>	32 GB
<b>Management Interface</b>	UniFi App; UniFi Network Interface
<b>Networking Interface</b>	(1) 10/100/1000 Ethernet Port
<b>Configuration Interface</b>	BlueTooth LE with Ubiquiti Mobile Applications
	Web browser
<b>Buttons</b>	(1) Power; (1) Reset
<b>LEDs</b>	(1) Power, White/Blue
<b>Power Method</b>	Standard 802.3 af PoE, DC 5V 1A Powered
<b>Supported Voltage Range</b>	Standard 802.3 af PoE, DC 5V 1A

<b>Max. Power Consumption</b>	5W (PoE/Adapter)
-------------------------------	------------------

iii. Network Switch (1 unit)

<b>HARDWARE FEATURES</b>	
<b>Standards and Protocols</b>	IEEE 802.3i, IEEE 802.3u, IEEE 802.3ab, IEEE 802.3x, IEEE 802.1q, IEEE 802.1p
<b>Interface</b>	16× 10/100/1000 Mbps RJ45 Ports AUTO Negotiation/AUTO MDI/MDIX
<b>Network Media</b>	10BASE-T: UTP category 3, 4, 5 cable (maximum 100m) EIA/TIA-568 100Ω STP (maximum 100m) 100BASE-TX: UTP category 5, 5e cable (maximum 100m) EIA/TIA-568 100Ω STP (maximum 100m) 1000BASE-T: UTP category 5, 5e, 6 or above cable (maximum 100m) EIA/TIA-568 100Ω STP (maximum 100m)
<b>Fan Quantity</b>	1
<b>Physical Security Lock</b>	Yes
<b>PoE Ports (RJ45)</b>	Standard: 802.3 af/at compliant PoE Ports: Port 1 to Port 8 PoE Power Budget: 150 W
<b>Dimensions ( W x D x H )</b>	11.6×7.1×1.7 in (294×180×44 mm)
<b>Mounting</b>	Rack Mountable/ Desktop
<b>Max Power Consumption</b>	8.07 W (110 V/ 60 Hz with no PD connected) 177.67 W (110 V/60 Hz with 150 W PD connected)
<b>Max Heat Dissipation</b>	27.52 BTU/h (with no PD connected) 605.85 BTU/h (with 150 W PD connected)
<b>PERFORMANCE</b>	
<b>Switching Capacity</b>	32 Gbps
<b>Packet Forwarding Rate</b>	23.8 Mbps
<b>MAC Address Table</b>	8K
<b>Packet Buffer Memory</b>	4.1 Mbit
<b>Jumbo Frame</b>	10 KB
<b>SOFTWARE FEATURES</b>	
<b>Quality of Service</b>	Support Port-Based/802.1p/DSCP priority Support 4 priority queues Rate Limit Storm Control
<b>L2 Features</b>	IGMP Snooping V1/V2/V3 Static Link Aggregation Port Mirroring Cable Diagnostics Loop Prevention



<b>VLAN</b>	Supports up to 32 VLANs simultaneously (out of 4K VLAN IDs)
	MTU/Port/Tag VLAN
<b>Management</b>	Web-based GUI
	Easy Smart Configuration Utility
	PoE Auto Recovery
	Transmission Method

iv. Access Point –AP (8 unit)

<b>Mechanical</b>	
<b>Weight Without mount:</b>	460 g (1 lb)
<b>Weight With mount:</b>	600 g (1.3 lb)
<b>Enclosure material:</b>	Polycarbonate
<b>Mount material:</b>	Stainless steel (SUS304)
<b>Weatherproofing:</b>	IP54
<b>Hardware</b>	
<b>Networking interface</b>	(1) GbE RJ45 port
<b>Management interface</b>	Ethernet
	Bluetooth
<b>Power method</b>	PoE
<b>Power supply</b>	UniFi PoE switch
	48V, 0.5A PoE adapter (optional)
<b>Supported voltage range</b>	44—57V DC
<b>Max. power consumption</b>	13W
<b>Max. TX power</b>	2.4 GHz: 22 dBm 5 GHz: 26 dBm
<b>MIMO</b>	2.4 GHz: 2 x 2 (UL MU-MIMO) 5 GHz: 4 x 4 (DL/UL MU-MIMO)
<b>Throughput rate</b>	2.4 GHz: 573.5 Mbps 5 GHz: 4.8 Gbps
<b>Antenna gain</b>	2.4 GHz: 4 dBi 5 GHz: 6 dBi
<b>LEDs</b>	White/blue
<b>Mounting</b>	Wall/ceiling (included)
<b>Software</b>	
<b>WiFi standards</b>	802.11a/b/g
	WiFi 4/WiFi 5/WiFi 6
<b>Wireless security</b>	WPA-PSK, WPA-Enterprise (WPA/WPA2/WPA3)
<b>BSSID</b>	8 per radio
<b>VLAN</b>	802.1Q
<b>Advanced QoS</b>	Per-user rate limiting
<b>Guesttrafc isolation</b>	Supported
<b>Concurrent clients</b>	300+

<b>Zero wait DFS</b>	Yes
<b>Supported DataRates</b>	
<b>802.11a</b>	6, 9, 12, 18, 24, 36, 48, 54 Mbps
<b>802.11b</b>	1, 2, 5.5, 11 Mbps
<b>802.11g</b>	6, 9, 12, 18, 24, 36, 48, 54 Mbps
<b>802.11n (WiFi 4)</b>	6.5 Mbps to 600 Mbps (MCS0 - MCS31, HT 20/40)
<b>802.11ac (WiFi 5)</b>	6.5 Mbps to 3.4 Gbps (MCS0 - MCS9 NSS1/2/3/4, VHT 20/40/80/160)
<b>802.11ax (WiFi 6)</b>	7.3 Mbps to 4.8 Gbps (MCS0 - MCS11 NSS1/2/3/4, HE 20/40/80/160)

**BAHAGIAN IV : DRAF PERJANJIAN**

## DRAF PERJANJIAN

LJT NO. 17 / 2023

### PERJANJIAN BAGI MEMBEKAL, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH LAMAN WEB RASMI DAN APLIKASI MUDAH ALIH GLSDC LJT

SATU PERJANJIAN dibuat pada Hari .... Bulan..... Tahun .....

#### DI ANTARA

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT), (LJT) adalah satu satu agensi yang ditubuhkan dan diperbadankan pada 1 Mei 1958 melalui Warta Kerajaan PU 131/58 selaras dengan peruntukan Seksyen 3, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991), (Akta 458) yang beralamat di Aras 5, Wisma LJT, Lorong Perak Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur (kemudian daripada ini disebut sebagai LJT sebagai satu pihak

#### DENGAN

..... (no. pendaftaran syarikat.....) yang beralamat di  
..... (kemudian daripada ini  
disebut sebagai “Kontraktor”) bagi pihak yang satu lagi.

#### BAHAWASANYA:

1. LJT hendak memperoleh laman web, aplikasi mudah alih dan perkakasan (kemudian daripada ini disebut “Peralatan Tersebut”) mengikut Jadual Harga dan Spesifikasi yang ditentukan di Borang II dan VII Perjanjian ini.
2. LJT mempunyai bidangkuasa dan kebenaran untuk melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja membekal, merekabentuk, membangun, menghantar, memasang, menguji, melatih, mentauliah dan menyenggara (dalam tempoh jaminan) peralatan tersebut (kemudian daripada ini disebut sebagai “Kerja Tersebut”).
3. LJT berhasrat dan berkeinginan untuk melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja tersebut dan Kontraktor bersetuju untuk menerima lantikan tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan kemudian daripada ini.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN adalah dengan ini dipersetujui seperti berikut:-

#### 1. TEMPOH PERJANJIAN

- 1.1. Perjanjian ini adalah berkuat kuasa mulai dari ..... sehingga .....  
Perjanjian ini boleh dilanjutkan kepada suatu tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.  
Permohonan ini boleh dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

#### 2. PESANAN

- 2.1. Pesanan-pesanan akan dibuat oleh LJT melalui mana-mana pegawai yang diberi kuasa (pegawai-pegawai yang berkenaan) kepada Kontraktor atau wakil-wakil yang telah dilantik oleh Kontraktor menggunakan borang pesanan rasmi yang ditetapkan.

### 3. PEMBEKALAN: KUANTITI DAN TEMPAT

- 3.1. Kontraktor akan melaksanakan kerja tersebut mengikut harga dan spesifikasi yang ditentukan dalam Borang II, V, VI dan VII.
- 3.2. Semua peralatan yang dibekalkan di bawah kontrak ini mestilah keluaran terbaru, tulen serta belum digunakan dan menepati spesifikasi seperti yang ditentukan di Borang VII kepada perjanjian ini.
- 3.3. Semua peralatan yang dibekalkan mestilah disertakan dengan manual operasi dan penyelenggaraannya.

### 4. PERUBAHAN DAN MODIFIKASI

- 4.1. Mana-mana perubahan atau pindaan ke atas harga atau spesifikasi di Borang V, VI dan VII kepada perjanjian ini hendaklah dibuat di atas persetujuan bersama di antara kedua-dua pihak. Mulai dari tarikh dan persetujuan yang dinyatakan, Kontraktor hendaklah membekal peralatan tersebut tanpa sebarang kenaikan harga dan perubahan ini tidak akan memberi kesan ke atas mutu barang-barang dan tempoh penghantaran.

### 5. PEMERIKSAAN

- 5.1. Kontraktor mestilah juga membenarkan pegawai-pegawai yang berkenaan untuk bebas masuk bagi pemeriksaan dalam waktu-waktu bekerja biasa ke kawasan di mana Peralatan tersebut sedang diperkilang atau disimpan.
- 5.2. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, memberi dengan tiada apa-apa bayaran, contoh bagi peralatan yang akan dibekalkan untuk diuji oleh LJT.

### 6. PENYERAHAN

- 6.1. Peralatan tersebut hendaklah diserahkan ke LJT dalam tempoh kontrak.
- 6.2. Sebarang lanjutan kepada tempoh penyerahan di Klausula 7.1 hendaklah dipersetujui oleh LJT secara bertulis.
- 6.3. Kontraktor hendaklah menghantar sekurang-kurangnya dua (2) salinan surat penyerahan (Delivery Order) bersama dengan tiap-tiap satu penyerahan Peralatan tersebut dan
- 6.4. Satu salinannya akan diperakui terima dan dikembalikan kepada Kontraktor apabila Peralatan tersebut diterima.
- 6.5. Kontraktor hendaklah pada tiap-tiap penyerahan Peralatan tersebut memberi satu (1) perakuan bertulis bahawa kualiti Peralatan tersebut tidak kurang daripada kualiti/ccontoh seperti yang dipersetujui.
- 6.6. Kerja-kerja pemasangan dan pengujian hendaklah dibuat dalam tempoh Perjanjian. Kontraktor hendaklah menyediakan dua (2) salinan surat akuan setelah LJT berpuashati bahawa peralatan tersebut telah dipasang dan diujilari dengan sempurna.

### 7. PENERIMAAN BERSYARAT

- 7.1. Walaupun Peralatan tersebut telah diterima, LJT adalah sentiasa berhak menolak semua penyerahan di bawah Klausula 7 jika Peralatan tersebut tidak menepati harga dan spesifikasi yang ditentukan di Jadual 1 dan 2.

## 8. HAK LJT APABILA PERALATAN ROSAK ATAU RENDAH KUALITI

8.1. Sekiranya, bagi satu-satu pesanan, kontraktor telah menyerahkan peralatan yang rosak atau rendah kualiti daripada yang telah ditetapkan dalam Borang VII kepada perjanjian ini, LJT boleh sama ada:-

8.1.1 Menamatkan perjanjian ini mengikut Klausula 20 atau

8.1.2 Menolak Peralatan tersebut dan menamatkan perjanjian ini mengikut Klausula 20 atau

8.1.3 Meminta gantian Peralatan tersebut yang mana hendaklah diserahkan dalam tempoh masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tetapi tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan selepas permintaan itu dibuat. Jika gantian Peralatan tersebut tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan, LJT boleh membeli Peralatan tersebut daripada punca-punca lain dengan syarat bahawa jika kos bagi punca lain melebihi harga dalam Jadual 1 kepada perjanjian ini, kontraktor akan dikenakan membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada LJT.

8.2. Bagi satu-satu pesanan jika kontraktor telah menyerahkan Peralatan yang rosak atau rendah kualitinya kepada LJT dan LJT tidak mungkin menolak Peralatan tersebut oleh sebab Peralatan tersebut telah dipakai atau digunakan sebelum diketahui rosak atau rendah kualitinya, LJT boleh membuat tuntutan/pampasan dari Kontraktor sama banyak dengan nilai Peralatan tersebut.

8.3. Jika selepas Peralatan tersebut dihantar, LJT mendapati Peralatan tersebut bukan keluaran baru atau tulen, LJT boleh sama ada menerima atau menolak Peralatan tersebut dan menamatkan kontrak mengikut Klausula 20 dan Kontraktor adalah bertanggungjawab membayar kepada LJT pampasan sebanyak nilai Peralatan tersebut tidak mengambil kira sama ada LJT menamatkan kontrak ini atau tidak.

## 9. HAK LJT APABILA PERALATAN TIDAK DISERAHKAN

9.1. Sekiranya Peralatan tersebut tidak diserahkan oleh Kontraktor selepas pesanan dibuat, LJT boleh menamatkan perjanjian ini mengikut Klausula 20 dan Bon Pelaksanaan tidak akan dikembalikan dan Kontraktor boleh dikenakan membayar pampasan kepada LJT mengikut harga Peralatan tersebut.

## 10. HAK LJT APABILA PERALATAN LEWAT DISERAHKAN

10.1. Sekiranya Peralatan tersebut lewat diserahkan oleh Kontraktor, LJT boleh sama ada:

10.1.1. Menamatkan perjanjian ini mengikut Klausula 20, atau

10.1.2. Membatalkan/menolak pesanan dan membeli Peralatan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain. Dalam hal sedemikian, jika kos pembelian melebihi harga dalam Perjanjian ini, Kontraktor boleh dikenakan membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada LJT.

## 11. HAK LJT APABILA PENYERAHAN TIDAK SEPENUHNYA

11.1. Sekiranya Peralatan tersebut diserahkan dengan tidak sepenuhnya mengikut kuantiti yang ditetapkan, LJT boleh menyujuterima penyerahan tersebut dan membeli Peralatan yang berkurangan daripada punca-punca lain dan LJT berhak meminta Kontraktor membayar kos yang terlibat

## 12. TUNTUTAN BAGI PEMBELIAN Di LUAR PERJANJIAN

12.1. Bagi keadaan yang mana LJT terpaksa membeli Peralatan tersebut daripada punca-punca lain seperti yang diperuntukkan dalam Klausula-Klausula 8.1.3, 10.1.2 dan 11, LJT boleh selain daripada apa-apa pampasan yang LJT berhak di bawah Klausula-Klausula tersebut, membuat tuntutan yang jumlahnya tidak melebihi 5% daripada nilai Peralatan tersebut.

### 13. PENGALIHAN BARANG-BARANG

13.1. Di dalam keadaan yang mana LJT telah menolak Peralatan yang dipesan seperti diperuntukkan di bawah Klausula-Klausula 9.1.2, 9.3 dan 11.2, Kontraktor hendaklah mengalihkan Peralatan tersebut dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penolakan. Sekiranya Peralatan tersebut tidak dialih di dalam tempoh masa tersebut, LJT berhak mengalih Peralatan tersebut dan menuntut kos pengalihan daripada Kontraktor.

### 14. "SET-OFF"

14.1. LJT boleh memotong apa-apa wang yang kena dibayar oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini, daripada apa-apa wang yang kena dibayar oleh LJT kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini. Jika wang yang Kontraktor berhutang kepada LJT itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan LJT, LJT boleh menuntut baki wang daripada Kontraktor dan Kontraktor hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya sebulan selepas menerima tuntutan.

### 15. PEMBAYARAN

15.1. Pembayaran kepada Kontraktor akan dibuat oleh LJT seperti di Jadual Bayaran.

15.2. Pembayaran kepada Kontraktor tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa Peralatan tersebut adalah menepati kualiti yang ditetapkan di bawah perjanjian ini.

15.3. Pembayaran oleh LJT tidak melepaskan Kontraktor atas tanggungjawab di bawah Perjanjian ini.

### 16. PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

16.1. Jika dalam tempoh Perjanjian ini, terjadi perubahan pada mana-mana kadar duti atau cukai yang dikenakan oleh Kerajaan, Kontraktor akan menanggung segala kos yang terlibat akibat dari perubahan tersebut.

### 17. PAMPASAN

17.1. Kontraktor hendaklah memberi pampasan kepada LJT daripada dan terhadap segala bayaran, tuntutan, belanja, ganti rosak, tanggungan, kerugian dan perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas LJT sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung dari pelanggaran Perjanjian ini oleh Kontraktor.

17.2. Kontraktor hendaklah memberi pampasan kepada LJT terhadap apa juga tindakan tentang Pelanggaran Surat Jaminan Hak atau Rekabentuk Berdaftar (yang disiarkan pada tarikh perjanjian ini) kerana mengguna atau menjual mana-mana Peralatan yang dibekalkan oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini dan terhadap segala belanja dan ganti rosak yang LJT mungkin lakukan dalam sesuatu tindakan kerana pelanggaran itu atau yang LJT mungkin bertanggungjawab dalam sesuatu tindakan itu.

## 18. KHIDMAT SOKONGAN DAN PENYENGGARAAN

- 18.1. Sebarang kerosakan kepada perkakasan semasa tempoh jaminan hendaklah ditanggung oleh pihak pembekal daripada segi peralatan, perkhidmatan, pertukaran, kewangan dan lain-lain yang bersangkutan. Alat ganti sementara (*on-loan item*) perkakasan yang rosak, hendaklah disediakan sehingga perkakasan dibaiki atau diganti.
- 18.2. Semasa dalam tempoh jaminan, jika berlaku kerosakan kepada perkakasan, pembekal yang berjaya hendaklah memberi maklumbalas dalam tempoh tidak melebihi 3 jam dari masa menerima laporan daripada LJT. Tempoh yang diambil untuk membaiki kerosakan hendaklah tidak melebihi 24 jam. Jika kerosakan tidak dapat dibaiki dalam tempoh berkenaan, penggantian peralatan hendaklah dilaksanakan atau menyediakan alat ganti sementara (*on-loan item*) agar pengguna tidak menghadapi masalah atas kekurangan peralatan tersebut. Sekiranya pembekal tidak dapat menyediakan atau membekalkan '*on-loan item*' dalam tempoh 24 jam, LJT berhak mendapatkan peralatan tersebut dari pihak luar dan kos akan ditanggung oleh pembekal sehingga peralatan siap diperbaiki.
- 18.3. Sokongan peringkat pertama adalah daripada pembekal dan peringkat kedua daripada pihak pengilang / pembekal asal.
- 18.4. Jika diperlukan, pembekal adalah dikehendaki menyedia dan memberikan khidmat penyenggaraan dan sokongan selepas tamat tempoh jaminan dengan pihak LJT berasaskan suatu perjanjian penyenggaraan yang akan ditentukan kemudian. Walau bagaimanapun LJT mempunyai hak untuk memilih sebarang pembekal lain untuk memberikan khidmat penyenggaraan.
- 18.5. Penyebutharga hendaklah mengemukakan maklumat terperinci sebagaimana maklumbalas yang berkenaan, mengenai penyenggaraan dan perkhidmatan sokongan terlibat untuk kegunaan penilaian oleh LJT.

## 19. TEMPOH JAMINAN

- 19.1. Tempoh jaminan bagi Peralatan tersebut adalah seperti yang tertera dalam Borang VII - Soal Selidik Penentuan Teknikal (*on-site, labour, part*).
- 19.2. Kontraktor hendaklah membaiki dan jika perlu mengganti mana-mana alat yang tidak berfungsi dengan memuaskan tanpa apa-apa bayaran tambahan dalam tempoh jaminan. Laporan-laporan mengenai kerosakan itu termasuk kerja-kerja pembaikan dan penggantian alat-alatan hendaklah dikemukakan kepada LJT dalam dua (2) salinan.
- 19.3. Sekiranya LJT tidak berpuas hati dengan kerja-kerja pembaikan dan penggantian yang dilakukan oleh Kontraktor, LJT boleh sama ada:
  - 19.3.1. mendapatkan punca-punca lain untuk membaiki atau mengganti kerosakan tersebut dan kos tersebut akan ditanggung oleh Kontraktor, atau
  - 19.3.2. memulangkan Peralatan tersebut kepada Kontraktor dan meminta gantian baru Peralatan tersebut. Kontraktor hendaklah menyerahkan Peralatan gantian tersebut dalam tempoh masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tetapi tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan selepas permintaan itu dibuat. Sekiranya Peralatan gantian tersebut tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan, LJT boleh menuntut pampasan daripada Kontraktor.

## 20. PENAMATAN PERJANJIAN

20.1. LJT boleh dengan memberi notis bertulis kepada Kontraktor menamatkan Perjanjian ini jika:-

20.1.1. Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana terma dan syarat- syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini; dan

20.1.2. Kontraktor itu sebagai seorang perseorangan (atau, apabila firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindahhak atau penyerahak bagi faedah-faedah sipiutang-sipiutang atau jika Kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan suatu ketetapan, atau mahkamah membuat sesuatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seorang penerima atau pengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat perintah penggulangan; atau

20.1.3. LJT mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan rasuah, dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak LJT untuk mendapatkan balik gantirosak dan dan lain-lain hak yang sedia ada.

## 21. IKLAN

21.1. Iklan-iklan mengenai Perjanjian ini tidak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain pengiklanan tanpa kelulusan bertulis dari LJT.

## 22. PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL

22.1. Kontraktor tidak boleh memajak atau membuat atau memberi subkontrak terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari LJT.

## 23. PEMBERIAN MILIK

23.1. Kontraktor tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagian atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawab apa-apa juga daripada wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dari atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan dari LJT.

## 24. KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

24.1. Sebarang kos dan apa-apa duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini akan ditanggung oleh Kontraktor.

## 25. UNDANG-UNDANG

25.1. Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan pihak-pihak bagi perjanjian ini adalah tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah di Malaysia.



26. PINDAAN-PINDAAN

26.1. Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

Dengan ini disaksikan pihak-pihak di sini telah menandatangani pada ..... haribulan ..... tahun .....

Ditandatangani oleh )  
Untuk dan bagi pihak )  
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia ) .....  
(Tandatangan)

Di hadapan : ..... )  
No. Kad Pengenalan : ..... )

Ditandatangani oleh )  
Untuk dan bagi pihak )  
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia ) .....  
(Tandatangan dan Cop Mohor Syarikat)

Di hadapan : ..... )  
No. Kad Pengenalan : ..... )